

**Bukan bibit tetapi tanda besar perbezaan pendapat dalam PAS
Malaysian Insider
Sept 15 , 2013
ANALISIS OLEH THE MALAYSIAN INSIDER**

Cadangan yang dibuat oleh Ketua Dewan Ulama PAS Datuk Harun Taib (gambar) yang kemudiannya menjadi resolusi di Multaqa Ulama Semalaysia di Alor Star semalam agar PAS mengkaji semula tahaluf siasi atau hubungannya dengan PKR adalah kemuncak dari perbezaan pendapat dalam PAS.

Secara diam-diam ia telah berlaku lama dalam PAS sejak menjelang pilihan raya umum ke-13 lagi sebenarnya.

Namun ketika itu ia tidak jelas sejauh manakah ia akan pergi. Tetapi cadangan Harun hari ini menunjukkan ke manakah sasaran segala apa yang berlaku dalam PAS itu.

Sejak sekian lama, sebahagian ulama dalam PAS mengkritik sesetengah pucuk pimpinan PAS kerana rapat dengan pimpinan Pakatan Rakyat dengan pelbagai gelaran diberikan.

Gelaran itu diberikan dengan jelas oleh mereka yang telah keluar dari PAS. Anwarinas, golongan parasit dan virus dalam PAS adalah gelaran yang popular.

Datuk Hasan Ali misalnya menjelang dipecat dari PAS menggelar golongan yang rapat dengan pimpinan PKR khasnya sebagai parasit-parasit dalam PAS.

Nasharudin Mat Isa sebelum dikeluarkan dari Majlis Syura ulamak berulang kali mendesak agar PAS mengkaji balik kedudukannya dalam Pakatan Rakyat.

Berita Harian dalam laporannya dengan jelas melaporkan kenyataan Nasharudin agar PAS keluar dari Pakatan Rakyat dengan alasan PKR dan DAP melanggar syarat muafakat politik atau tahaluf siasi.

Kini jelas apa yang dinyatakan oleh Nasharudin sejak sekian lama itu yang dibuat secara rasmi oleh Ketua Dewan Ulama PAS.

Baru semalam, ketika merasmikan Mesyuarat Agung PAS Kawasan Tumpat di Kelantan, AJK PAS Pusat Khalid Samad menyifatkan idea-idea sebegini adalah dari musuh PAS sendiri yakni Umno.

Ini bukan lagi bibit tetapi tanda-tanda besar perbezaan pendapat dalam PAS. Ini kerana kedua-dua pihak mempunyai penyokong yang ramai.

Sudah pasti Muktamar PAS ke-59, 22 hingga 24 November ini di Shah Alam akan menjadi medan sebenar perbezaan pendapat ini.

Jika ia tidak diuruskan dengan baik, apa yang berlaku di Turki juga akan berlaku dalam PAS.

Di Turki, parti Islam di sana berpecah kepada dua kumpulan apabila kumpulan pimpinan Recep Tayyip Erdogan membentuk AKP dan meninggalkan penyokong Necmetin Erbakan dalam Saadet. AKP terbukti berjaya dan menjadi parti yang memerintah Turki sejak tiga penggal lalu dan Erdogan kini adalah Perdana Menteri Turki yang berpengaruh.

Dalam PAS, kumpulan yang dinamakan sebagai Erdogan mahu bersama Pakatan Rakyat, kumpulan penyokong Harun Taib ini mahu mengkajinya.

Apakah kumpulan penyokong yang digelar Erdogan akan berpecah dari kumpulan penyokong UG selepas muktamar nanti? Pohon dilindungi Allah dari berlaku. Namun jika ianya untuk kebaikan, terimalah seadanya. - 15 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bukan-bibit-tetapi-tanda-besar-perbezaan-pendapat-dalam-pas>